

Negara kurang pakar onkologi rawat kanser

UM - 10/1/2009

PUTRAJAYA 9 Jan. – Negara masih kekurangan doktor pakar dalam bidang onkologi bagi merawat pesakit kanser yang kini meningkat sebanyak 40,000 orang.

Menteri Kesihatan, Datuk Dr. Chua Soi Lek berkata, untuk itu, kerajaan perlu melatih sekurang-kurangnya 10 orang pakar dalam bidang tersebut setiap tahun bagi memenuhi nisbah yang ditetapkan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) iaitu seorang doktor bagi 250,000 penduduk.

Beliau berkata, sehingga kini, jumlah doktor onkologi di negara ini ialah seramai 37 orang iaitu pada nisbah 1:750,000 penduduk.

“Sekarang, kita hanya dapat melatih dua

hingga tiga orang doktor onkologi setahun kerana bilangan yang berminat dalam bidang itu tidak menggalakkan,” katanya kepada pemberita selepas perasmian majlis pecah tanah projek Institut Kanser Negara di Presint 7 di sini hari ini.

Majlis tersebut disempurnakan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Menurut Soi Lek, usaha untuk menambah bilangan doktor onkologi juga akan dilaksanakan melalui penubuhan institut berkenaan apabila ia memberi tumpuan kepada program latihan kepada doktor dalam bidang klinikal onkologi.

Beliau memberitahu Perdana Menteri juga telah bersetuju untuk mendapatkan tenaga pakar onkologi dari luar negara bagi menangani masalah kekurangan doktor dalam bidang tersebut.

Dalam pada itu katanya, usaha untuk merawat pesakit kanser menghadapi kerumitan apabila lebih 80 peratus daripada mereka hanya merujuk kepada hospital setelah berada pada peringkat akhir.

“Ini dapat disaksikan melalui perangkaan jumlah kematian akibat kanser yang meningkat kepada 9.5 peratus berbanding 7.3 peratus pada 1975,” katanya.

Mengenai penyakit chikungunya yang

dikesan di Ipoh, Perak, beliau berkata, setakat ini hanya 30 orang didapati positif iaitu membabitkan pekerja asing dan penduduk tempatan yang melawat India baru-baru ini.

“Setakat ini yang dimasukkan ke Hospital Ipoh hanya dua orang. Penyakit itu bukan satu endemik dan ia boleh dianggap sebagai penyakit yang diimport dari negara lain,” katanya.

Setakat ini katanya, kes itu tidak melibatkan sebarang kematian dan masih terkawal.

“Jadi tidak perlu diheboh-hebohkan terutama tahun ini adalah Tahun Melawat Malaysia,” katanya.